

## Pakar di Hospital Segamat ditambah

SEGAMAT 22 April - Kerajaan akan menambah bilangan pakar, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan jururawat di Hospital Segamat bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan kepada kira-kira 300,000 penduduk di daerah ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan negeri, Dr. Robia Kosai berkata, walaupun kekurangan pegawai dan kakitangan itu mula diisi sejak 2009, bilangan sedia ada belum mencukupi berikutan hospital itu turut menerima pesakit dari bahagian selatan Negeri Sembilan dan Pahang.

"Kerajaan sebenarnya sedar dan sedia maklum dengan masalah ini dan Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk mengekal dan menambah jumlah pakar dan pegawai perubatan di hospital berkenaan," katanya semasa merasmikan Hari Karnival Mesra Di Hati Hospital Segamat di sini semalam.

Turut hadir Ahli Parlimen Sekijang, Datuk Baharum Mohamed; Ahli Dewan Undangan Negeri Buloh Kasap, Datuk Othman Jais; Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Mohd. Khairi Yakub; Pengarah Hospital Segamat, Dr. Aman Rabu dan Pegawai Daerah Segamat, A. Rahim Nin.

Robia berkata, Hospital Segamat kini mempunyai 18 pakar, antaranya dalam bidang ortopedik, pembedahan, obstetrik, gynaekologi, kanak-kanak dan psikiatri berbanding hanya dua pakar pada 2009 dan pertambahan itu akan dilakukan setiap tahun mengikut keperluan serta tuntutan semasa selain berdasarkan kapasiti hospital tersebut.

Beliau memberitahu, bilangan pegawai dan kakitangan sejak 2009 hingga tahun lalu bertambah daripada 644 kepada 742 orang dan bermula hujung tahun lalu, beberapa peralatan perubatan yang mampu mempercepatkan pengurusan rawatan pesakit turut diterimanya.

Menurutnya, bagi memastikan perkhidmatan kesihatan memuaskan, Hospital Segamat turut memulakan perkhidmatan pemeriksaan baru iaitu Pemeriksaan Neurofisiologi (EEG), Pemeriksaan Ujian Stress dan Echocardiogram untuk memberi kemudahan kepada pesakit yang sebelum ini terpaksa menjalani pemeriksaan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar.

*Artikel Penuh:*

[http://www.utusan.com.my/utusan/Johor/20120423/wj\\_02/Pakar-di-Hospital-Segamat-ditambah#ixzz35WIBlyvd](http://www.utusan.com.my/utusan/Johor/20120423/wj_02/Pakar-di-Hospital-Segamat-ditambah#ixzz35WIBlyvd)

© Utusan Melayu (M) Bhd